



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

**KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

**DOKUMEN TENDER**

**UNTUK**

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN  
PUSAT DATA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

<b>NO. DOKUMEN</b>	
<b>NO. TENDER</b>	<b>JAIS.UPP.400- 5/6/11 (23/24-B)</b>
<b>TEMPOH KONTRAK</b>	<b>(12 BULAN)</b>
<b>TARIKH TAKLIMAT</b>	<b>7 JULAI 2023 (JUMAAT)</b>
<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>31 JULAI 2023 (ISNIN)</b>
<b>MASA TUTUP</b>	<b>12.00 TENGAHARI</b>
<b>NAMA SYARIKAT</b>	

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT  
DATA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

**PERINGATAN PENTING:**

**PETENDER DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIRAN DAN SYARAT YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN TENDER INI SEBELUM MENGISINYA.**

**PETENDER YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASA DAN ARAHAN DALAM DOKUMEN INI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

# **TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

## KANDUNGAN

- I - KENYATAAN TENDER
- II - SYARAT-SYARAT AM TENDER
- III - SYARAT-SYARAT KHAS TENDER
- IV - ARAHAN KEPADA PETENDER
- V - SPESIFIKASI PERKHIDMATAN
- VI - BORANG TAWARAN TEKNIKAL TENDER
  - BORANG A1
  - BORANG A2
  - BORANG A3
  - BORANG A4
  - BORANG A5
  - BORANG A6
  - BORANG A7
  - BORANG A8
  - BORANG A9
  - BORANG A10
  - BORANG A11
  - BORANG A12
- VII - BORANG TAWARAN HARGA TENDER
  - BORANG B1
  - BORANG B2
  - BORANG B3
  - BORANG B4
  - BORANG B5
  - BORANG B6
- VIII - SURAT TENDER
- IX - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT

- X - SURAT AKUAN PEMBIDA
- XI - SENARAI SEMAK
- LAMPIRAN A - CONTOH SURAT SETUJU TERIMA
- LAMPIRAN B - CONTOH BORANG JAMINAN BANK

BAHAGIAN



KENYATAAN TENDER



## JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

### KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi tender berikut:-

No. Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat
<b>JAIS.UPP.400-5/6/11 (23/24-B)</b>	<b>Tender Perkhidmatan Pembaikan Pusat Data Jabatan Agama Islam Selangor</b>	<b>140302 210102 210105</b>	<b>Tarikh : 7 Julai 2023 (Jumaat)</b>  <b>Masa : 11.00 pagi</b>  <b>Tempat : Bangunan Sultan Idris Shah, Dewan Sakinah, Aras Bawah, Menara Selatan, No. 2, Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40676 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.</b>

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti butiran di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat. Kegagalan menghadiri taklimat tender akan menyebabkan petender **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam tender tersebut.

Petender hendaklah membawa bersama **cop syarikat, salinan ic penama dan mengemukakan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia seperti kod bidang yang disenaraikan di atas serta Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang masih sah tempohnya untuk pengesahan** sebelum dibenarkan menghadiri taklimat dan membeli dokumen. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan pentadbiran ini semasa hadir ke sesi taklimat

Maklumat terperinci tender dan Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman <http://tender.selangor.gov.my> bermula **3 Julai 2023 (Isnin)** atau **secara fizikal di alamat seperti di bawah.**

Harga Dokumen Tender ialah **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)**. Dokumen Tender hanya dijual secara dalam talian. Bayaran hendaklah dibuat melalui Sistem Penjualan Dokumen Tender Dan Sebutharga Negeri Selangor di laman <http://tender.selangor.gov.my> mulai **7 Julai 2023 (Jumaat)**. **Dokumen Tender hanya boleh diambil oleh pemilik syarikat secara fizikal** dengan mengemukakan Resit Pembelian Borang Tender ke **Seksyen Perolehan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 8, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam** pada waktu pejabat. Hanya satu (1) dokumen tender dibenarkan untuk seorang pemilik syarikat.

Dokumen atau Borang Tawaran Tender hendaklah dibuat mengikut format borang yang telah ditetapkan dan diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan nombor tender di sebelah atas kiri sampul surat tersebut dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**Pengarah  
Jabatan Agama Islam Selangor,  
Unit Pentadbiran Dan Perolehan  
Tingkat 8, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
40676 Shah Alam, Selangor.**

Tarikh tutup tender adalah pada **31 Julai 2023 (Isnin) jam 12.00 Tengahari**. Tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana permohonan tender yang dikirimkan melalui pos. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pejabat ini di talian 03-5514 3453

# BAHAGIAN



# SYARAT-SYARAT AM TENDER

# TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

## SYARAT-SYARAT AM TENDER

Petender hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat yang terkandung di dalam Tender ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat berkaitan membolehkan tawaran Petender tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

### 1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI TENDER (JENIS DAN SKOP PEROLEHAN)

1.1. Petender hendaklah terdiri daripada syarikat bertaraf bumiputera atau bukan bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang:

**140302** : Peralatan Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik > Kabel, Wayar Elektrik Dan Aksesori > Wayar Elektrik Dan Aksesori

**210102** : ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi) > Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen > Hardware (High End Technology) - All Types Of Server, Mainframe, High End

**210105** : ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi) > Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen > Telecommunication/Networking-Supply Product, Infrastructure, Services

1.2. Salinan sijil pendaftaran di atas hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, Petender hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah diluluskan.

### 2. HARGA TAWARAN

2.1. Harga-harga yang ditawarkan hendaklah diisi dalam **Jadual Kadar Harga**. Harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos seperti penyediaan tenaga kerja, pengangkutan, perkhidmatan, penyelenggaraan, penghantaran, pembekalan, peralatan dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan tersebut yang merupakan harga bersih bagi perkhidmatan berkaitan.

2.2. Harga-harga yang ditawarkan dalam Tender ini adalah tetap, harga bersih dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas Tender ini ditutup. **Harga yang ditawarkan mesti mengikut mekanisme**



## TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

penggenapan harga yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu dalam dua (2) titik perpuluhan sahaja.

- 2.3. Petender yang berjaya ditawarkan Tender ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan. Petender yang berjaya diterima tidak boleh mengenakan kadar harga yang berasingan atau kos tambahan terhadap perkara di atas
- 2.4. Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh petender bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh Kerajaan sekiranya berjaya di dalam penawaran tender ini.
- 2.5. Harga yang ditawarkan juga hendaklah termasuk kos-kos berkaitan dengan perkhidmatan seperti kelengkapan dan peralatan serta kos-kos lain yang berkaitan.

### 3. SPESIFIKASI

- 3.1. Spesifikasi perkhidmatan adalah seperti mana yang dinyatakan dalam **Borang Tawaran Teknikal Tender (Borang A1)**.
- 3.2. Kuantiti peralatan yang perlu dibekalkan bagi pelaksanaan perkhidmatan hendaklah dicadangkan berdasarkan kepada keperluan yang telah dinyatakan dalam dokumen tender dan lawatan tapak yang telah dihadiri oleh petender yang berkecuali.
- 3.3. Pelaksanaan perkhidmatan hendaklah dilakukan berdasarkan kepada kenyataan kerja yang telah dinyatakan dalam dokumen tender. Petender yang berjaya hendaklah berbincang dengan penerima perkhidmatan berkaitan skop kerja menaik taraf Pusat Data ICT JAIS.

### 4. PELANGGARAN SYARAT-SYARAT TENDER/KONTRAK/PERJANJIAN

- 4.1. Petender yang memasuki tender tidak boleh melanggar perkara-perkara seperti berikut.
  - (1) Melakukan pakatan harga;
  - (2) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai tender,
  - (3) Memalsukan tandatangan pada cap "Salinan Diakui Sah" dalam setiap dokumen yang dikemukakan; dan
  - (4) Lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam dokumen dan borang tender serta peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- 4.2. Petender Yang Berjaya bagi tender ini tidak boleh melanggar syarat kontrak seperti berikut:
  - (1) Perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi;

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

- (2) Bilangan pekerja yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi;
- (3) **Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh Jabatan;**
- (4) Memajakkan mana-mana bahagian daripada Kontrak ini atau membuat apa-apa Kontrak Kecil (*Sub-Contract*);
- (5) Menyerah hak atau memindah milik Perjanjian secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan; dan
- (6) Melakukan lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam dokumen kontrak serta peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.

4.3. Pelanggaran syarat Tender / Kontrak seperti di Para 4.1 dan 4.2, boleh dikenakan tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara yang berikut:

- (1) Pembatalan Surat Setuju Terima;
- (2) Amaran Berdenda;
- (3) Peringatan dan Amaran;
- (4) Denda / Pemotongan;
- (5) Rampasan Bon Pelaksanaan;
- (6) Penamatan Kontrak;
- (7) Senarai Hitam Syarikat.

**5. HAK KERAJAAN APABILA PEKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TENDER / KONTRAK**

5.1. Kerajaan berhak memotong Bayaran Perkhidmatan yang kena dibayar kepada Syarikat oleh Kerajaan di bawah Perjanjian ini sebagai tolakan daripada apa-apa wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh Syarikat mengikut kiraan dalam **Jadual 8** sekiranya –

- (a) **Syarikat tidak dapat melaksanakan kerja-kerja naik taraf Pusat Data sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian;**
- (b) **Syarikat tidak dapat menyediakan dan menempatkan perkakasan dan perisian ICT sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian;**
- (c) **berlakunya kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan di Premis yang disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau salah laku Syarikat atau mana-mana pekerja Syarikat; atau**
- (d) **Pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang tidak dinyatakan di atas**

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

- 5.2. Jika jumlah tolakan di bawah Klausa 6.1 tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan berhak memotong Bayaran Perkhidmatan yang kena dibayar kepada Syarikat oleh Kerajaan bagi bulan seterusnya.
- 5.3. Jika pelanggaran terma dan syarat Perjanjian ini, yang berlaku dalam dua bulan perkhidmatan, 'tempoh bertenang' diberikan untuk 60 hari pertama dan tidak perlu dikenakan denda. Walau bagaimanapun, tindakan pemotongan bayaran hendaklah dikenakan sekiranya pekerja/pengawal tidak hadir bertugas tanpa pengganti yang sah.
- 5.4. Kenaan \*Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD)/Kadar potongan yang akan dikenakan adalah seperti berikut :

**(a) Syarikat tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembaikan Pusat Data sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian**

**Denda = (BR + 1%) x (Nilai Kontrak/365) x Bilangan Hari Lewat**

\*BR : 3.8%  
\*BR : Kadar Faedah Minimum

CONTOH KIRAAN

Denda = (3.8% +1%) x (248,860.00/365) x 1 hari = RM32.73

Jumlah Pemotongan = RM32.73

**(b) Syarikat tidak dapat menyediakan dan menempatkan perkakasan dan perisian ICT sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian**

**Denda = (BR + 1%) x (Nilai Kontrak/365) x Bilangan Hari Lewat**

\*BR : 3.8%  
\*BR : Kadar Faedah Minimum

CONTOH KIRAAN

Denda = (3.8% +1%) x (248,860.00/365) x 1 hari = RM32.73

Jumlah Pemotongan = RM32.73

**(c) Berlakunya kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan di Premis yang disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau salah laku Syarikat atau mana-mana pekerja Syarikat**

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

Sejumlah penalti yang akan ditentukan oleh Kerajaan kemudian

**(d) Pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang tidak dinyatakan di atas**

Sejumlah penalti yang akan ditentukan oleh Kerajaan kemudian

- 5.5 Kerajaan berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar kepada Syarikat oleh Kerajaan sama ada sebagai denda atau pampasan daripada mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan Kerajaan daripada apa-apa yang kena dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat di bawah Perjanjian. Jika wang yang kena dibayar kepada Syarikat itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut baki tuntutan itu daripada Syarikat dan Syarikat hendaklah membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tuntutan, Kerajaan juga berhak menuntut jumlah baki tersebut daripada Syarikat melalui mana-mana perjanjian yang ditandatangani dengan agensi Kerajaan, sekiranya Syarikat gagal membuat bayaran setelah dituntut.

**6. SURAT SETUJU TERIMA (SST)**

- 6.1. Kerajaan berhak menyetujui terima tender tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau mana-mana tawaran.
- 6.2. Keputusan Kerajaan adalah muktamad. Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada mana-mana petender mengenai sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 6.3. Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan kepada Petender Yang Berjaya. Contoh SST adalah seperti di **Lampiran A**. SST **MESTI** ditandatangani dan diserahkan kepada Kerajaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh ianya dikeluarkan.
- 6.4. Petender Yang Berjaya **MESTI** mengemukakan Bon Pelaksanaan berserta dengan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam tempoh 30 hari dari tarikh SST tersebut dikeluarkan. Kegagalan menyerahkan kembali SST dan Bon Pelaksanaan dalam tempoh tersebut atau tempoh yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan akan menyebabkan tawaran tender tersebut **TERBATAL DENGAN SENDIRINYA**.

## TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

6.5. Petender Yang Berjaya dikehendaki menandatangani satu Perjanjian Kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

### 7. BON PELAKSANAAN / CAGARAN KESELAMATAN

7.1. Sebelum sesuatu kontrak perkhidmatan disempurnakan, Petender Yang Berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan seperti berikut:

- (i) 2.5% - daripada jumlah nilai kontrak termasuk SST yang bernilai RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 setahun; atau
- (ii) 5% - daripada nilai kontrak termasuk SST bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500,000.00 setahun.

7.2. Bon Pelaksanaan ini hendaklah dalam bentuk jaminan bank daripada bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia. Bagi kontrak yang bernilai tidak melebihi RM500,000.00 setahun (Nilai keseluruhan kontrak) Jaminan Insuran daripada syarikat-syarikat insuran yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia boleh diterima selain daripada jaminan bank. Bon ini akan dikembalikan sesudah kontrak diselesaikan dengan memuaskan.

7.3. Bentuk Bon Pelaksanaan yang boleh diterima adalah seperti berikut:

- (i) **Jaminan Bank atau Syarikat Kewangan** yang dikeluarkan oleh Bank atau Syarikat Kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] yang beroperasi di Malaysia; atau
- (ii) **Jaminan Bank Islam** yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah akta Bank Islam 1983 [Akta 276] yang beroperasi di Malaysia; atau
- (iii) **Jaminan Insurans** yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553] yang beroperasi di Malaysia; atau
- (iv) **Jaminan Takaful** yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah akta Takaful 1984 [Akta 312]; atau
- (v) **Jaminan** yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Bank) yang beroperasi di Malaysia,

yang diluluskan oleh Kerajaan dan yang tidak boleh batal dengan nilai dan peratusan dari Nilai Perjanjian dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh SST atau dalam apa-apa tempoh yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan, sebagai jaminan bahawa Syarikat tidak akan melanggar dan akan mematuhi mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian, **Kerajaan berhak mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon pelaksanaan** tersebut bagi apa-apa pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian dan / atau jika perjanjian tersebut ditamatkan sebelum tarikh penamatan tanpa menyentuh apa-apa hak lain Kerajaan dalam perjanjian.

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

- 7.4. Nilai Bon Pelaksanaan tersebut **hendaklah sentiasa tetap** seperti yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 dan **MESTI berkuatkuasa selama dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat kontrak.
- 7.5. Jika jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan:
- (i) diambil atau dirampas secara keseluruhan darinya, Syarikat hendaklah menggantikan Bon Pelaksanaan itu dengan Bon Pelaksanaan baru sebagai gantian daripada keseluruhan jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan yang diambil atau dirampas mengikut perenggan 8.3 dan 8.4; atau
  - (ii) diambil atau dirampas sebahagian darinya, Syarikat hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan baru sebagai gantian kepada bahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan yang diambil atau dirampas mengikut perenggan 8.2 dan 8.3.
- 7.6. Bon Pelaksanaan adalah menjadi sebahagian perjanjian dan akan dikembalikan kepada Syarikat selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 8.4 dan tertakluk kepada apa-apa pindaan, pengubahsuaian, pengurangan atau potongan yang boleh dibuat oleh Kerajaan mengikut syarat-syarat dan terma-terma atau syarat-syarat yang dilakukan oleh Syarikat.

**8. MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN**

- 8.1. Pendaftaran dengan kementerian kewangan merupakan syarat ke atas tawaran tender yang dikemukakan. Oleh yang demikian sekiranya petender menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tender ditawarkan kepadanya, maka tindakan menggantung atau membatalkan pendaftaran akan diambil terhadapnya mengikut tertib berikut:-
- (i) Bagi kesalahan pertama, syarikat akan digantung pendaftarannya selama dua tahun;
  - (ii) Bagi kesalahan kedua, syarikat akan digantung pendaftarannya selama lima tahun); dan
  - (iii) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
- 8.2. Syarikat-syarikat yang digantung atau dipotong pendaftaran tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam mana-mana tender pembekalan oleh kementerian/ jabatan/ badan berkanun seluruh Malaysia.
- 8.3. Bagi semua penggantungan atau pemotongan pendaftaran syarikat, nama pengarah termasuk nama pemegang saham terbesar akan disenarai hitamkan oleh pihak berkuasa.

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

**9. TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

9.1. Tempoh sahlaku tender ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh tender ditutup. Tempoh ini boleh dengan kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor dilanjutkan jika perlu.

**10. PEMBATALAN TENDER**

10.1. Kerajaan berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak petender kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak petender dan pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap semua perkara tersebut.

**11. PENALTI**

11.1. Petender akan dikenakan penalti sekiranya gagal mematuhi kontrak berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Kerajaan. Keputusan Kerajaan adalah muktamad.

**12. PENGIKLANAN**

12.1. Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri Selangor terlebih dahulu.

**13. PENAMATAN KONTRAK**

13.1. Kerajaan berhak menamatkan tawaran ini dengan mengemukakan notis penamatan secara bertulis yang berkuatkuasa dari tarikh notis itu jika:-

Syarikat melanggar mana-mana syarat tawaran;

ATAU

Perkhidmatan Syarikat yang diberikan tidak memuaskan (tidak menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan);

ATAU

Syarikat menarik diri sebelum tamat tempoh pembekalan.

13.2 Tindakan melanggar mana-mana syarat akan mengakibatkan tindakan tatatertib diambil keatas Syarikat seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1995.

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PUSAT DATA  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

**14. LAIN-LAIN**

- 14.1. Kerajaan berhak untuk membuat pindaan ke atas tempoh kuatkuasa kontrak.
- 14.2. Semua arahan dan maklumat di dalam dokumen tender ini akan menjadi sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani oleh petender yang berjaya.

**15. SALINAN DIAKUI SAH**

- 15.1. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan Bumiputera (Kementerian Kewangan Malaysia), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hendaklah **diakui sah oleh pegawai Kerajaan.**



# BAHAGIAN



## SYARAT-SYARAT KHAS TENDER

## KRITERIA PENILAIAN TENDER

Penilaian tender akan dijalankan dalam dua peringkat berdasarkan kepada kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

### 1. PENILAIAN SECARA SISTEM CUT-OFF DIUBAHSUAI PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR (*MODIFIED CUT-OFF SYSTEM*)

- 1.1. Penyebut harga dan petender yang layak akan ditentukan melalui sistem *cut-off* seperti yang digariskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.
- 1.2. Harga *cut-off* adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan. Harga tender yang lebih rendah daripada harga *cut-off* dianggap sebagai terlampau rendah dan tidak menjamin kejayaan petender melaksanakan projek.
- 1.3. Sistem *cut-off* menyenarai pendek harga bidaan yang didapati berada dalam julat -20%, lebih rendah dari harga *adjusted mean* Kerja Pembina (BWAM). Seterusnya, harga terhampir kepada harga *cut-off* dan lulus semua peringkat penilaian akan disyor sebagai harga yang mampu melaksanakan projek dan menguntungkan kerajaan.
- 1.4. Harga *mean* diperolehi dengan membuat kiraan purata kesemua harga yang dikemukakan termasuk Anggaran Jabatan (AJ) bagi perolehan tersebut.
- 1.5. Kadar harga yang didapati melebihi julat 20% dan sifatnya sangat tinggi atau sangat rendah dari *adjusted mean* dianggap lari dari polar harga dan tidak akan dinilai.
- 1.6. Pembida yang boleh disenarai pendek dan layak dinilai adalah sekurang-kurangnya sepuluh (10) pembida yang menawarkan harga tender lebih tinggi bermula -20% BWAM.
- 1.7. Harga yang layak dan disyorkan pula adalah harga yang terendah dari kalangan mereka yang telah disenarai pendek dengan syarat lulus semua peringkat penilaian yang berkaitan.
- 1.8. Walaupun penilaian harga akan menggunakan sistem *cut-off* diubahsuai, penilaian teknikal masih lagi dianggap penting dalam menentukan pembekal/ Syarikat yang layak. Oleh yang demikian, Jabatan/ Agensi akan melaksanakan penilaian teknikal bagi menentukan pembida yang Berjaya.
- 1.9. Oleh kerana asas harga adalah penting dan menentukan hala tuju penilaian, penilaian teknikal tidak perlu dibuat terhadap harga-harga yang lebih rendah dari -20% BWAM.
- 1.10. Keutamaan kepada petender adalah berdasarkan harga paling rendah (*lowest acceptable bidder*) yang berada dalam julat dan lulus semua peringkat penilaian.

## 2. PENILAIAN TENDER

2.1. Tujuan penilaian adalah memastikan pembida yang dipertimbangkan adalah munasabah, sempurna, lengkap, mempunyai modal asas dan rekod prestasi yang baik. Justeru, perkara-perkara yang dinilai adalah:-

### 2.1.1. Penilaian Peringkat Pertama

#### 2.1.1.1. Kesempurnaan Tender

Borang tender diisi dengan lengkap, ditandatangani, ditulis/ ditaip dengan jelas, mempunyai dokumen sokongan yang diperlukan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (MOF) dan lain-lain sjiil perolehan kerajaan yang masih sah serta syarat asas dipatuhi.

#### 2.1.1.2. Analisa Kecukupan Dokumen

Mengemukakan semua dokumen yang diperlukan seperti arahan dalam dokumen sebut harga dan tender seperti penyata bank dan *balance sheet* yang sah termasuk laporan kewangan.

### 2.1.2. Penilaian Peringkat Kedua

#### 2.1.2.1. Analisa Penilaian Teknikal

Penilaian terhadap kemampuan teknikal petender dalam melaksanakan perkhidmatan berdasarkan kepada spesifikasi yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan.

#### 2.1.2.2. Analisa Penilaian Kecukupan Modal

Mengesahkan bahawa pembida yang layak mempunyai modal minima iaitu 3% dari Anggaran Jabatan (AJ). Dokumen yang membuktikan maklumat ke atas modal adalah seperti mana yang dinyatakan dalam dokumen tender ini.

#### 2.1.2.3. Analisa Prestasi Semasa

Mengesahkan prestasi kedudukan projek dalam tangan atau projek-projek terdahulu (sekiranya ada)

#### 2.1.2.4. Analisa Kedudukan Kewangan

Penilaian terhadap kedudukan kewangan semasa petender yang menyertai tender melalui dokumen sokongan berkaitan kewangan yang dikemukakan oleh petender.

2.2. Perincian tender yang diterima mestilah mematuhi kriteria kelayakan asas berikut:

2.2.1. Borang Tender ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat.

2.2.2. Penandatanganan Borang Tender adalah pihak yang diberi kuasa berdasarkan Sijil CIDB /Kementerian Kewangan.

2.2.3. Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan) tercatat di Borang Tender

2.2.4. Pendaftaran petender masih sah semasa tarikh tutup tender

2.2.5. Kesemua dokumen asas tender seperti berikut dikembalikan

- (a) Borang Tender
- (b) Senarai Kuantiti/ Ringkasan Tender
- (c) Adendum yang dikemukakan kepada petender selepas dokumen tender dijual kepada mereka
- (d) Perjanjian Usahasama/Gabungan (jika berkenaan)
- (e) Maklumat/ Dokumen lain yang dinyatakan di dalam senarai semak

2.2.6. Borang-borang berkaitan ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat

2.2.7. Surat Akuan Pembida ditandatangani (Integrity Pact)

2.2.8. Sekurang-kurangnya salah satu dokumen berikut dikemukakan:

- (a) Salinan Penyata Kewangan Syarikat dikemukakan, diaudit dan disahkan oleh juruaudit bertauliah;
- (b) Penyata Bulanan Bank yang disahkan oleh pegawai bank yang diberi kuasa;
- (c) Laporan Asal Bank/Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit petender atas format seperti di Borang CA yang ditandatangani oleh pegawai bank/institusi kewangan yang diberi kuasa.

2.3. Penilaian keupayaan kewangan di peringkat kedua adalah berasaskan kriteria berikut:

- (a) Kecukupan modal minimum petender dalam bentuk aset mudah cair dan Kemudahan Kredit tidak kurang daripada tiga peratus (3%) daripada nilai Anggaran Jabatan.
- (b) Modal dalam bentuk aset mudah cair ialah jumlah Modal Pusingan iaitu perbezaan antara Aset Semasa dan Liabiliti Semasa petender seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan atau nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3)

bulan terakhir termasuk Deposit Tetap, yang mana lebih tinggi. Jumlah ini dicampur dengan jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang diperolehi oleh petender daripada Bank.

- (c) Deposit Tetap yang tidak dicagarkan hendaklah mempunyai tarikh matang yang sekurang-kurangnya sehingga tiga (3) bulan selepas tarikh tutup tender.
- (d) Kemudahan kredit bagi modal mudah cair yang boleh diambilkira hanyalah kemudahan kredit sedia ada seperti berikut:
  - (i) Overdraf
  - (ii) Overdraf Bercagar
  - (iii) Talian Kredit
- (e) Selain daripada kemudahan kredit seperti senarai di atas, semua bentuk kemudahan kredit lain tidak boleh diambilkira termasuklah pinjaman tetap yang akan atau layak diperolehi untuk projek.

2.4. Penilaian keupayaan teknikal adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

- (a) Prestasi Kerja Semasa

Kerja Semasa diertikan sebagai kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh Tutup Tender. Petender mestilah TIDAK mempunyai projek yang mana kemajuan pelaksanaan semasa mengalami kelewatan melebihi dua puluh peratus (20%) dari jadual atau kelewatan melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh siap dibenarkan atau sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.

- (b) Beban Kerja Semasa

Penilaian beban kerja semasa adalah berdasarkan nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap untuk semua projek pada waktu petender memasuki tender.

- (c) Pengalaman Kerja

- (i) Pengalaman kerja petender adalah pengalaman kerja serupa atau pengalaman kerja sebanding yang diperakukan siap dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tutup tender.
- (ii) Kerja serupa ertinya kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender.
- (iii) Kerja sebanding ertinya kerja yang diliputi oleh kategori yang berlainan daripada kerja yang ditender.
- (iv) Kerja yang diambil kira adalah terhad kepada kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai Syarikat utama dan sub-Syarikat yang dinamakan sahaja. Kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor biasa tidak boleh diambil kira melainkan ada pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Syarikat Utama serta jenis dan skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

## 3. KAEDAH PEMARKAHAN PENILAIAN TENDER

3.1. Skema pemarkahan bagi penilaian teknikal tender menggunakan skim pemarkahan pemarkahan terus seperti berikut:

<b>Kedudukan Wajaran</b>	<b>Ciri Wajaran Untuk Spesifikasi Am</b>
5	Tawaran yang melebihi had spesifikasi dan kelebihan tersebut boleh memberi faedah atau keuntungan kepada pengguna.
4	Menepati spesifikasi, atau tawaran yang melebihi had spesifikasi tetapi kelebihan itu tidak diperlukan oleh pengguna.
3	Terdapat sedikit penyimpangan (deviation) dan ia tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.
2	Terdapat penyimpangan yang ketara dan ia boleh menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan dengan serius.
1	Tidak menepati spesifikasi atau tiada komitmen atau tidak mengemukakan katalog / maklumat untuk semakan.

# BAHAGIAN

# IV

## ARAHAN KEPADA PETENDER

## ARAHAN KEPADA PETENDER

Petender hendaklah mematuhi sepenuhnya arahan ini apabila menyertai Tender. Kegagalan mematuhi mana-mana arahan di bawah ini membolehkan Tender tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

### 1. PERIHAL PETENDER

- 1.1. Tender ini adalah bagi Tender Perkhidmatan Pembaikan Pusat Data Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.
- 1.2. Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan-arahan dan syarat-syarat am. Skop tugas adalah berdasarkan kepada spesifikasi perkhidmatan seperti di Bahagian IV.

### 2. DOKUMEN TENDER

- 2.1. Tawaran Tender hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil **DOKUMEN TENDER**.
- 2.2. Dokumen Tender **hanya boleh diambil oleh pemilik syarikat** secara fizikal dengan mengemukakan **Resit Pembelian Borang Tender** ke alamat seperti berikut:

Unit Pentadbiran Dan Perolehan,  
Tingkat 8, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah  
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK,  
40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

**Hanya satu (1) dokumen tender dibenarkan untuk seorang pemilik syarikat.**

- 2.3. Dokumen ini megandungi perkara-perkara seperti berikut:

Bahagian I	-	Kenyataan Tender
Bahagian II	-	Syarat-Syarat Am Tender
Bahagian III	-	Syarat-Syarat Khas Tender
Bahagian IV	-	Arahan Kepada Petender
Bahagian V	-	Spesifikasi Perkhidmatan
Bahagian VI	-	Borang Tawaran Teknikal Tender
	-	Borang A1
	-	Borang A2
	-	Borang A3



	-	Borang A4
	-	Borang A5
	-	Borang A6
	-	Borang A7
	-	Borang A8
	-	Borang A9
	-	Borang A10
	-	Borang A11
	-	Borang A12
Bahagian VII	-	Borang Tawaran Harga Tender
	-	Borang B1
	-	Borang B2
	-	Borang B3
	-	Borang B4
	-	Borang B5
	-	Borang A6
Bahagian VIII	-	Surat Tender
Bahagian IX	-	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat
Bahagian X	-	Surat Akuan Pembida
Bahagian XI	-	Senarai Semak
Lampiran A	-	Contoh Surat Setuju Terima
Lampiran B	-	Contoh Borang Jaminan Bank

### 3. CARA-CARA MENGISI BORANG TENDER

- 3.1. Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen tender serta menyemak kandungan dokumen tender dengan telliti sebelum mengisi borang-borang tender. **Petender hendaklah menggunakan borang asal sahaja. Sekiranya Petender mengemukakan borang salinan, tawaran tender Petender tidak akan diambil kira.**
- 3.2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada Petender yang sah sahaja. Petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. Tawaran alternatif tidak dibenarkan dan akan ditolak.
- 3.3. Semua dokumen hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan dan ditulis atau ditaip dengan kemas dan terang serta boleh dibaca dengan jelas. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Petender dibenarkan untuk menulis atau menaip maklumat berkenaan di kertas tambahan menggunakan format yang sama. Sebarang pindaan atau pembetulan di dokumen hendaklah ditandatangani ringkas oleh Petender beserta tarikh pindaan dibuat dan cop syarikat. Sekiranya terdapat borang

yang tidak diisi, tawaran petender menjadi tidak sah dan akan ditolak dengan sendirinya.

- 3.4. Semua borang-borang yang berhubung dengan tender hendaklah ditandatangani oleh penama dalam sijil pendaftaran. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan dicop atau ditandatangani oleh selain daripada penama dalam sijil pendaftaran akan menjadi tidak sah dan akan ditolak terus daripada pertimbangan.
- 3.5. Kerajaan berhak menolak dan menggugurkan mana-mana tawaran yang didapati:
  - (i) Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan;
  - (ii) Sukar dibaca dan difahami;
  - (iii) Dokumen tender yang tidak lengkap;
  - (iv) Tidak mengikut atau melanggar prosedur tender (tidak mematuhi syarat-syarat).
  - (v) Membuat perkara yang dilarang seperti yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender;
  - (vi) Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan;
  - (vii) Tidak menulis nama, alamat dan maklumat Petender;
  - (viii) Tulisan menggunakan pensil
- 3.6. Petender yang tidak mengisi maklumat dengan lengkap atau hanya menyatakan "Sila Rujuk Bahagian XX" dianggap **TIDAK** menyatakan maklumat dengan lengkap.
- 3.7. Sekiranya tiada maklumat yang hendak diberikan, nyatakan **TIADA**.
- 3.8. Penilaian tender ini akan mengambil kira keupayaan Petender untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan tender ini. Keupayaan Petender akan dinilai berasaskan kepada kedudukan kewangan, pengalaman melaksana perkhidmatan seumpamanya, pengalaman kakitangan, keupayaan penyediaan peralatan dan prestasi keseluruhan.
- 3.9. Kenyataan yang tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang disyaratkan **TIDAK** akan diambilkira dan ini akan menjejaskan pemarkahan dan penilaian terhadap tawaran Petender. Pembuktian dokumen sokongan adalah penting dan **WAJIB** disertakan untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas Petender. Justeru, untuk membolehkan penilaian ini dibuat, Petender dikehendaki mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang telah **DISAHKAN** seperti berikut:
  - i. Salinan **Penyata Kewangan** Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang berakhir.

ATAU

Salinan Laporan Bank / Institusi Kewangan atas Borang CA

DAN

Salinan **Penyata Bulanan Akaun Bank (Keutamaan Perbankan Islam)** mengenai Modal Cair (Tunai Di Tangan) Petender bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender. Keutamaan diberikan kepada Petender yang mengemukakan penyata bulanan akaun bank daripada perbankan Islam untuk berurusan dengan Jabatan Agama Islam Selangor bagi tender ini.

- ii. Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kerja atau Pembekalan bagi setiap kerja / Tender yang telah disiapkan dan disenaraikan dalam Maklumat Pengalaman.
- iii. Salinan Borang KWSP 'A' bagi bulan caruman terakhir bagi setiap kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan professional yang diambil khidmat secara kontrak seperti yang disenaraikan dalam Maklumat Kakitangan.
- iv. Salinan Sijil-Sijil **Pendaftaran Syarikat, Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan** serta **pengesahan Bumiputera** yang masih berkuatkuasa.
- v. **Profil Syarikat** yang telah dikemaskini dan mempunyai semua maklumat-maklumat yang berkenaan syarikat yang terkini.

3.10. Kenyataan Petender juga dikehendaki untuk mengemukakan salinan pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih berkuatkuasa.

3.11. Petender hendaklah mengemukakan penyata akaun bank (**Keutamaan Perbankan Islam**) bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut seperti berikut:

- 1) Salinan Penyata Akaun Bank atau *Online Banking Statement* bagi setiap bulan **MESTI** disahkan di setiap muka surat oleh pegawai bank. Cop bank hendaklah mempunyai **Nama Bank, Nama Pegawai dan No. ID Pegawai**; dan

- 2) Pengesahan salinan Penyata Akaun Bank atau *Online Banking Statement* hendaklah bercop dan bertandatangan **HIDUP**. Dokumen yang tidak menepati kriteria di atas tidak akan diterima.
- 3.12. Sekiranya petender mempunyai kemudahan kewangan dari bank/ institusi kewangan, petender **MESTI** mengemukakan surat pengesahan daripada bank / institusi yang berkaitan.
- 3.13. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** supaya petender dapat mengenal pasti keadaan sebenar di lokasi dan menentukan harga tawaran yang bersesuaian dengan keadaan semasa premis berkaitan.
- 3.14. Semua borang-borang yang berhubung dengan tender **MESTI** ditandatangani oleh penama dalam sijil pendaftaran syarikat. Tandatangan oleh orang yang diturunkan kuasa dan penggunaan surat perwakilan kuasa adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 3.15. Petender perlu membaca semua arahan dan syarat serta menyemak kandungan dokumen tender dengan teliti sebelum membuat tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut **DITOLAK**.

## 4. ANGGARAN KEPERLUAN

- 4.1. Kuantiti pembekalan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kadar Harga. Walau bagaimanapun kerajaan tidak akan menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa kuantiti yang disebutkan dalam pelawaan tender ini akan dipesan kesemuanya dan Petender Yang Berjaya pula mesti bersedia membekalkan semua pesanan sekiranya pesanan-pesanan melebihi kuantiti-kuantiti yang dianggarkan ini dengan harga dan syarat-syarat yang sama.

## 5. SPESIFIKASI

- 5.1. Spesifikasi-spesifikasi yang ditentukan adalah penting dan perlu dibaca, difahami dan diluruskan sebagaimana yang diminta. Kegagalan untuk memahami serta menguruskannya dengan baik dan betul boleh menyebabkan kegagalan tawaran pelawaan tender.

## 6. TERMA PEMBAYARAN

- 6.1. Sebarang bentuk pembayaran kepada Petender Yang Berjaya akan dibayar dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM).

## 7. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 7.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 7.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 7.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Syarikat atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 7.4. Mana-mana Syarikat atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

## 8. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

- 8.1. Dokumen tender perlu disediakan dalam dua bentuk iaitu **Dokumen Tawaran Teknikal** dan **Dokumen Tawaran Harga**. Kedua-dua dokumen tersebut **MESTI** dimasukkan ke dalam **dua (2) sampul surat yang berasingan dan ditandakan** pada bahagian atas sebelah kiri sampul sebagai **“DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL”** atau **“DOKUMEN TAWARAN HARGA”** mengikut dokumen tawaran berkaitan serta dilakri.
- 8.2. Seterusnya kedua-dua sampul tersebut **PERLU DIMASUKKAN KE DALAM SATU (1) BUNGKUSAN / SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan **DITANDA PADA BAHAGIAN ATAS SEBELAH KIRI BUNGKUSAN/ SAMPUL SURAT ITU DENGAN PERKATAAN:**

**KOD TENDER: JAIS.UPP.400-5/6/11 (23/24-B)**

dan dialamatkan kepada:

**Pengarah  
Jabatan Agama Islam Selangor,  
Tingkat 8, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid SUK,  
Seksyen 5, 40676 Shah Alam.**

8.3. Dua (2) set dokumen tawaran adalah seperti berikut:

1) **DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL**

- |                       |   |                                                                                                                                         |
|-----------------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Bahagian I</i>     | - | <i>Kenyataan Tender</i>                                                                                                                 |
| <i>Bahagian II</i>    | - | <i>Syarat-syarat Am</i>                                                                                                                 |
| <i>Bahagian III</i>   | - | <i>Syarat-syarat Khas</i>                                                                                                               |
